

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Universiti wajar lahir profesional bidang data	Berita Harian
2.	Lebih kerap hebahan keadaan cuaca	Utusan Malaysia
3.	Hebahan cuaca lebih kerap untuk rakyat bersedia hadapi banjir	BERNAMA
4.	Gelombang kedua dijangka datang hujung November	Harian Metro
5.	Bersiap sedia untuk hadapi gelombang kedua banjir	Berita Harian
6.	Siap sedia hadapi gelombang kedua bah	KOSMO
7.	Monsun Timur Laut bermula minggu depan	BERNAMA
8.	Kedah sedia hadapi gelombang kedua banjir	BERNAMA
9.	Penduduk diminta berwaspada, hujan mungkin sehingga hujung November	BERNAMA
10.	Ribut petir, hujan di Pulau Pinang dan Perak	BERNAMA
11.	Hebahan ramalan cuaca ditingkatkan	Berita Harian
12.	Cuaca buruk di utara Semenanjung	Berita Harian
13.	Persediaan hadapi kemungkinan gelombang kedua banjir	Berita Harian
14.	Monsun Timur Laut bermula minggu depan	Sinar Harian
15.	Kesah siap sedia hadapi gelombang kedua banjir	Sinar Harian
16.	Penduduk diminta berwaspada, hujan mungkin sehingga hujung November	Astro Awani
17.	Kedah siap siaga jika banjir lagi	Sinar Harian
18.	Gelombang kedua	Sinar Harian
19.	Engineers patching things up	The Sun

20.	Two Johor villages hit by flash floods	Malay Mail
21.	Fewer victims at relief centres ini Penang, Kedah	Malay Mail
22.	States warned of possible fresh storms	Malay Mail
23.	36 cases prosecuted under Sexual Offences Against Children Act since July	Astro Awani
24.	Awas sabun tiruan guna jenama popular	Utusan Malaysia

**KERATAN AKHBAR**  
**BERITA HARIAN (PENDIDIKAN) : MUKA SURAT 68**  
**TARIKH : 9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)**

# Universiti wajar lahir profesional bidang data

• Negara memerlukan lebih ramai bakat yang mahir dalam bidang penting

Oleh Basir Zahrom  
basir.zahrom@bh.com.my

■ Bangi

**M**alaysia perlu melahirkan lebih ramai saintis, penganalisis dan jurutera yang mahir dalam bidang data sekiranya mahu mendapat manfaat penuh daripada teknologi data besar.

Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOS TI), Datuk Seri Dr Mohd Azhar Yahaya, berkata dalam jangkauan teknologi data besar dan perkhidmatan dunia 2016 hingga 2020

yang dikeluarkan *International Data Corporation (IDC)*, pasaran teknologi data besar dan perkhidmatannya dijangka menghasilkan keuntungan sehingga RM64.25 bilion (USD15.2 bilion) pada tahun 2020.

Beliau berkata, walaupun Analisis Data Besar (BDA) adalah industri yang menguntungkan dan sektor kerajaan serta swasta menyedari akan kelebihannya, namun negara masih memerlukan lebih ramai bakat yang mahir dalam bidang itu.

"Justeru, pihak universiti perlu mengambil peluang untuk memenuhi keperluan ini dengan melakukan kerjasama strategik bersama-sama industri bagi melahirkan profesional dalam bidang ini," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Antarabangsa Ketujuh (ICIMU 2017) antara Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), di sini, semalam.

Teks ucapan betul diajukan oleh Setiausaha Rendah Kanan Perancangan Strategik (MOSTI), Dr Mohd Mokhtar Tahir.

Yang turut hadir, Naib Canselor UNITEN, Prof Ir Dr Kamal Na-



Dari kiri, Prof Kamal Nasharuddin, Mohd Mokhtar, Prof Zainuddin dan Holmes pada majlis bertukar MOU antara UNITEN dengan Dublin City University, di Bangi, semalam.

sharuddin Mustapha; Timbalan Naib Canselor UNITEN, Prof Datuk Ir Dr Ibrahim Hussein; Ketua Pegawai Maklumat Tenaga Nasional Berhad (TNB), Fazil Ibrahim; Naib Presiden Hubungan Luar dan Strategik Dublin City University (DCU), Trevor N Holmes dan Pengurus ICIMU 2017, Prof Dr Zainuddin Hassan.

#### Masyarakat bermaklumat

Bertemakan *Memperkasa Masyarakat Bermaklumat Menerusi Analisis Data*, ICIMU 2017 bertujuan mengumpul ahli akademik, penyelidik profesional dan ahli industri berpengalaman untuk berkongsi hasil penyelidikan serta menangani isu berkaitan aspek teknologi maklumat dan multimedia, seterusnya meningkatkan tahap inno-



Pihak universiti perlu mengambil inisiatif melaksanakan kerjasama strategik dengan industri bagi melahirkan lebih ramai profesional dalam bidang data besar"

**Mohd Azhar Yahaya,**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Sains,  
Teknologi dan Inovasi

vasi baharu dalam teknologi analisis data dan perkhidmatan.

Pada majlis sama, UNITEN turut bertukar memorandum persefahaman (MoU) dengan DCU yang membabitkan penyelidikan bersama terutama bidang tenaga dan data. UNITEN diwakili Prof Kamal Nasharuddin, manakala DCU diwakili Holmes.

MoU itu diselaraskan sepenuhnya oleh Institut of Informatics and Computing in Energy (IICE) iaitu institut penyelidikan yang harus ditubuhkan UNITEN bagi memberi fokus penyelidikan maklumat tenaga.

Sementara itu, Prof Kamal Nasharuddin berkata, analitis boleh menjadi pemangkin utama untuk mencapai prestasi tinggi dalam industri tenaga.

**KERATAN AKHBAR  
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 7  
TARIKH: 9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)**



**WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR** (dua dari kiri) mendengar penerangan daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Datuk Seri Dr. Sallehuddin Ishak (kanan) ketika melawat tapak kompleks sukan di Sekolah Menengah Persendirian Chong Hwa di Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wee Ka Siong (tiga dari kanan).

# Hujan lebat mungkin hingga hujung tahun

■ KUALA LUMPUR 8 NOV.

PENDUDUK di negeri-negeri Utara Semenanjung Malaysia perlu terus bersiap sedia menghadapi gelombang kedua banjir yang dijangka berlaku berikutnya proses pertukaran monsun yang dialami kini.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, beliau menjangkakan proses pertukaran monsun akan selesai sepenuhnya akhir bulan ini.

"Jabatan Meteorologi telah meramalkan gelombang kedua akan berlaku sehingga tamat pertukaran monsun ini, iaitu dalam minggu pertama November.

"Tetapi melihat kepada keada-

an, saya jangka sehingga hujung bulan ini baru ia akan selesai sepenuhnya kerana keadaan cuaca pun sangat tidak menentu sekarang," katanya selepas melawat Sekolah Menengah Persendirian Chong Hwa di sini hari ini.

Sabtu lepas, Pulau Pinang dilanda banjir luar biasa sehingga melumpuhkan sistem infrastruktur di negeri itu dan mengorbankan tujuh nyawa.

Mengenai dana yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk projek mitigasi banjir di Pulau Pinang,

Wan Junaidi berkata, kementerian itu melalui Jabatan Pengairan dan Saliran bersedia untuk melaksanakan kajian teknikal ke atas sistem dan infrastruktur se-

dia ada serta yang diperlukan.

Katanya, antara aspek yang akan diberi perhatian ialah sistem perparitan dan saliran, kolam takungan dan penambangan pesisir pantai.

"Banjir luar biasa pada Sabtu lepas menunjukkan kemudahan mitigasi banjir sedia ada tidak mencukupi," katanya. Najib dalam lawatannya ke Pulau Pinang pada Selasa mengumumkan bantuan RM1 bilion untuk melaksanakan 13 projek mitigasi banjir di negeri itu.

Dalam hal lain, Wan Junaidi berkata, satu kolokium mitigasi banjir akan diadakan pada Januari depan untuk melihat model terbaik dan berkesan untuk membendung ancaman banjir di setiap negeri di Malaysia. — BERNAMA

# Lebih kerap hebahan keadaan cuaca



Laporan HUSSAINI AMRAN,  
SAFINA RAMLI dan FARHANA JONI  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 8 NOV.

**K**ERAJAAN akan mempertingkatkan kekerapan hebahan maklumat keadaan cuaca di seluruh negara supaya orang ramai lebih bersedia menghadapi situasi bencana alam yang dijangka berlaku.

Menteri Komunikasi dan Mul-

timedia, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak berkata, hebahan akan dibuat melalui pelbagai platform kementeriannya termasuk menggunakan media arus perdana dan media sosial serta bekerjasama dengan Jabatan Meteorologi.

“Apa yang penting kekerapan hebahan yang harus kita pertingkatkan kerana keadaan cuaca tidak seperti dahulu apabila ia semakin susah diramal.

“Kalau dahulu, kita tahu bulan berapa akan banjir tetapi sekarang ia boleh berlaku pada bila-



SALLEH SAID  
KERUAK

bila masa,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan buku New Media Political Engagement and Participation in Malaysia di bangunan Parlimen hari ini.

Buku tersebut ditulis oleh Felo Institut Pengajian Kewartawanan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr. C. Saraswathy yang merangkumkan pelbagai reaksi rakyat di negara ini terhadap maklumat yang disiarkan media termasuk yang tidak sah atau diputar belit.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)**



## **Hebahan Cuaca Lebih Kerap Untuk Rakyat Bersedia Hadapi Banjir**



KUALA LUMPUR, 8 Nov (Bernama) -- Kementerian Komunikasi dan Multimedia akan meningkatkan kekerapan hebahan maklumat mengenai keadaan cuaca bagi membolehkan rakyat bersedia menghadapi banjir.

Menterinya Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak berkata hebahan tersebut akan dibuat melalui platform kementerian itu termasuk media arus perdana dan media sosial dengan kerjasama **Jabatan Meteorologi Malaysia**.

"Mungkin yang penting kekerapannya (hebahan) harus kita tingkatkan kerana keadaan cuaca tidak seperti dahulu, susah diramal."

"Kalau dahulu, kita tahu bulan berapa akan berlaku banjir tetapi sekarang, tidak kisah, ia boleh berlaku pada bila-bila masa," katanya kepada pemberita selepas melancarkan buku 'New Media Political Engagement and Participation in Malaysia' di bangunan Parlimen, hari ini.

Dalam pada itu, Salleh berkata kementeriannya telah diminta untuk mengenal pasti dan mengambil langkah sekiranya berlaku gangguan talian komunikasi di kawasan terjejas banjir di Pulau Pinang dan Kedah.

Bagaimanapun, katanya pihaknya tidak menerima sebarang aduan berhubung gangguan talian telekomunikasi pada masa ini.

Sementara itu, mengulas mengenai buku hasil tulisan Dr Saraswathy Chinnasamy berkenaan, Salleh menzahirkan rasa bangga kerana buku itu mendapat perhatian di peringkat antarabangsa selepas dilancarkan di United Kingdom dan Amerika Syarikat pada 6 Okt lepas.

Saraswathy yang juga Felo Institut Pengajian Kewartawanan, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media Universiti Teknologi Mara (UiTM) ketika ditemui berkata buku terbitan penerbit berprestij dunia, Routledge Publisher berkisarkan hala tuju media perdana dan media sosial di Malaysia.

"Buku ini juga melihat bagaimana rakyat menerima maklumat sama ada maklumat yang diterbitkan itu dibuat tanpa kesahihan atau telah di putar belit," katanya.

Katanya, buku yang berharga RM560 itu menerima maklum balas yang baik di luar negara khususnya dalam kalangan ahli akademik kerana kekurangan bahan rujukan berhubung isu semasa dan politik Malaysia.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR  
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 14  
TARIKH: 9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)**

## **Gelombang kedua dijangka datang hujung November**

Banjir gelombang kedua mungkin melanda negeri di utara Semenanjung berikutan proses peralihan monsun belum lagi berlaku.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, proses pertukaran monsun dijangka berlaku hujung bulan ini dan meminta penduduk di kawasan terbabit berjaga-jaga menghadapi sebarang kemungkinan.

**"Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan gelombang kedua akan berlaku se-**

hingga tamat pertukaran monsun ini, iaitu dalam minggu pertama November.

"Tetapi melihat kepada keadaan, saya jangka sehingga hujung bulan ini ia baru akan selesai sepenuhnya kerana keadaan cuaca pun sangat tidak menentu sekiranya," katanya dalam sidang media selepas melawat Sekolah Tinggi Persendirian Chong Hwa di Sentul, di sini, semalam.

Mengulas mengenai dana RM1 bilion yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak untuk membantu menyelesaikan masalah banjir di Pulau Pinang, Wan Junaidi berkata, pihaknya akan membuat kajian lanjut

mengenai projek pengairan dan saliran di negeri itu supaya air hujan atau banjir dapat mengalir keluar ke laut.

Katanya, dengan pengumuman Perdana Menteri itu beliau yakin Unit Perancang Ekonomi (EPU) akan meluluskan peruntukan berkenaan, namun pihaknya memerlukan masa dan penelitian lanjut sebelum memulakan projek terbabit.

Menurutnya, pihaknya akan mengadakan kolokium untuk mengkaji bagaimana mengatasi masalah banjir di seluruh negara pada Januari depan membabitkan pakar dari dalam dan luar negara.

**KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (BANJIR) : MUKA SURAT 4  
TARIKH : 9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)**

# Bersiap sedia untuk hadapi gelombang kedua banjir



Dari kanan, Mohd Rais Riyaeh Masri, Mohd Nor Isma Haziq Nor Ismadi dan Mohd Nor Isma Hazim Ismadi membersihkan padang permainan di Georgetown selepas dilanda banjir. Ahad lalu.

⦿ Penduduk Utara Semenanjung perlu waspada bencana alam boleh berlaku bila-bila masa



**TABUNG BENCANA**  
NSTP  
Bantuan mangsa banjir  
5141-0532-0757

## ■ Kuala Lumpur

Penduduk sekitar Utara Semenanjung mungkin gelombang kedua banjir melanda pada bila-bila masa susulan pertukaran monsun yang belum berakhiri.

Meskipun banjir melanda Pulau Pinang dan Kedah pada Ahad lalu semakin pulih dengan jumlah mangsa di pusat pemindahan semakin berkurangan, hujan lebat di beberapa tempat mencetuskan kebimbangan bencana itu berulang.

Beberapa kawasan di sekitar Sungai Petani, Kedah termasuk Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH) dilanda banjir kilat, selepas hujan lebat selama dua jam, kira-kira jam 4 petang semalam.

Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan, sepanjang tempoh seminggu mula semalam, Perlis akan mengalami ribut petir pada sebelah petang sehingga Jumaat ini, manakala hujan lebat pada pagi dan malam sehingga Selasa depan.

Kedah pula dijangka mengalami hujan lebat dan ribut petir sehingga Selasa pada waktu petang

dan malam, manakala di Perak dalam tempoh seminggu ini di-ramalkan berdepan ribut petir di sebelah petang.

Pulau Pinang diramalkan mengalami hujan pada sebelah petang sehingga esok, manakala ribut petir dijangka berlaku sehingga Selasa.

### Pertukaran monsun

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata pertukaran monsun barat daya kepada timur laut dijangka berakhiri sepenuhnya hujung bulan ini.

"Justeru itu, semua penduduk negeri di utara Semenanjung perlu berhati-hati," katanya ketika mengulas mengenai kemungkinan gelombang kedua banjir melanda dalam tempoh terdekat ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, sebelum ini mengarahkan semua pihak bersedia sepenuhnya menghadapi kemungkinan gelombang kedua dan ketiga akibat perubahan cuaca pada bulan ini hingga Februari depan.

Ahmad Zahid yang juga Menteri

Dalam Negeri mengarahkan Jabatan Meteorologi menyebarkan maklumat secara menyeluruh berkaitan perubahan cuaca itu supaya persediaan pemindahan segera boleh dilakukan.

Berdasarkan ramalan cuaca sepanjang September 2017 hingga Februari 2018, Jabatan Meteorologi menjangkakan permulaan monsun timur laut pada November yang mempengaruhi keadaan cuaca negara.

Negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung mengalami cuaca lembap dengan Kelantan, Terengganu, Pahang dan Timur Johor dijangka menerima hujan melebihi 500mm.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Tan Sri Noh Omar, berkata lebih 27,000 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Bomba Bantuan dan Bomba Sukarela seluruh negara bersedia untuk operasi menyelamat sekiranya gelombang kedua banjir berlaku.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr Salleh Said

Keruak, pula berkata pihaknya akan mempertingkatkan hebahan maklumat ramalan cuaca yang berisiko menyebabkan banjir buruk ketika musim tengkujuh ini.

"Hebahan akan dibuat menggunakan platform kementerian, media arus perdana dan media sosial dengan kerjasama Jabatan Meteorologi bertujuan membolehkan rakyat mendapat maklumat meluas dan bersedia menghadapi bencana."

"Keadaan cuaca tidak seperti dulu, susah diramal. Kalau dahulu, kita tahu bular berapa akan berlaku banjir tetapi sekarang, ia boleh berlaku pada bila-bila masa," katanya.

Di Kota Bharu, sebanyak 699 pusat pemindahan bagi menampung mangsa banjir yang terjejas di Kelantan sudah dikenal pasti sebagai persediaan menghadapi banjir tahun ini.

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam (APM) Terengganu, Lett-enan Kol Che Adam A Rahman, berkata 531 pusat pemindahan sementara sudah bersedia di negeri itu dengan keupayaan menempatkan lebih 131,000 mangsa.

**KERATAN AKHBAR  
KOSMO (PULAU PINANG DILANDA BANJIR TERUK)  
MUKA SURAT 14  
TARIKH: 9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)**

## Siap sedia hadapi gelombang kedua bah

**KUALA LUMPUR** — Penduduk di negeri-negeri utara Semenanjung Malaysia perlu bersiap sedia menghadapi gelombang kedua banjir yang dijangka berlaku berikutan proses pertukaran monsun yang dialami kini.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, beliau menjangkakan proses pertukaran monsun akan selesai sepenuhnya akhir November ini.

"Jabatan Meteorologi meramalkan gelombang kedua akan berlaku sehingga tamat pertukaran monsun ini iaitu dalam minggu pertama November.

"Bagaimanapun, melihat kepada keadaan, saya jangka hujung bulan ini ia baru akan selesai sepenuhnya kerana

keadaan cuaca pun sangat tidak menentu sekarang," katanya di sini semalam.

Sabtu lalu, Pulau Pinang dilanda banjir luar biasa sehingga melumpuhkan sistem infrastruktur di negeri itu dan mengorbankan tujuh nyawa.

Mengenai dana yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk projek mitigasi banjir di Pulau Pinang, Wan Junaidi memberitahu, kementerian itu melalui Jabatan Pengaliran dan Saliran bersedia untuk melaksanakan kajian teknikal ke atas sistem dan infrastruktur sedia ada serta yang diperlukan.

Katanya, antara aspek yang akan diberi perhatian ialah sistem perparitan dan saliran, kolam takungan dan penambakan pesisir pantai. — Bernama

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)**



## **Monsun Timur Laut Bermula Minggu Depan**

KUALA LUMPUR, 8 Nov (Bernama) -- Monsun Timur Laut dijangka berlaku mulai minggu depan sehingga Mac 2018 yang mengakibatkan empat hingga lima episod hujan di Kelantan, Terengganu, Pahang, timur Johor dan di barat Sarawak.

**Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MET) Alui Bahari** berkata keadaan ini boleh menyebabkan banjir di kawasan yang cenderung banjir dan kawasan rendah.

"Amaran awal bagi episod hujan lebat semasa Monsun Timur Laut akan dikeluarkan seawal satu hingga tiga hari manakala amaran ribut petir akan dikeluarkan sekiranya terdapat tanda-tanda intensiti ribut petir semakin meningkat," katanya kepada Bernama.

Pada masa ini, katanya, negara sedang mengalami peralihan monsun dan dijangka berlaku sehingga pertengahan November.

"Semasa fasa ini, kejadian hujan lebat dan ribut petir setempat dalam jangka masa singkat serta angin kencang lebih kerap berlaku pada waktu petang dan awal malam di kebanyakan kawasan di negeri-negeri Pantai Barat, Utara, pedalaman Semenanjung, Pantai barat Sabah serta kawasan Barat dan bahagian tengah Sarawak," katanya.

Beliau menasihati orang ramai agar peka dengan amaran cuaca buruk yang dikeluarkan jabatan itu dan mematuhi garis panduan keselamatan.

Orang ramai diminta merujuk laman web jabatan itu atau aplikasi telefon pintar myCuaca bagi mendapatkan maklumat terbaru yang dikemaskini setiap hari.

Beliau juga meminta orang ramai supaya tidak menularkan mesej yang belum disahkan berhubung keadaan cuaca.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 9 NOVEMBER 2017 ()**



## **Kedah Siap Sedia Hadapi Gelombang Kedua Banjir - Ahmad Bashah**

ALOR SETAR, 8 Nov (Bernama) -- Kerajaan Kedah bersiap sedia menghadapi kemungkinan berlaku banjir gelombang kedua, kata Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah.

Beliau berkata semua jabatan dan agensi termasuk Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah diarah untuk sentiasa bersiap sedia.

"Kita telah ambil maklum dan semua persiapan telah dibuat di peringkat daerah masing-masing sebagai persediaan sekiranya berlaku banjir gelombang kedua.

"**Jabatan Meteorologi (MET) Malaysia** juga diharapkan dapat menyebarkan maklumat secara menyeluruh berkaitan perubahan cuaca dan memaklumkan lebih awal supaya persediaan pemindahan segera boleh dilakukan," katanya kepada pemberita di Wisma Darul Aman, di sini hari ini.

Terdapat laporan mengenai negerii-negeri di utara Semenanjung dijangka menghadapi banjir gelombang kedua.

Sementara itu, Ahmad Bashah berkata beliau telah meminta setiap majlis perbandaran daerah untuk memantau dan melihat sistem perparitan yang sempurna di kawasan masing-masing bagi memastikan aliran air yang lancar memandangkan hujan yang turun luar biasa kini.

Terdahulu, pada Majlis Perjumpaan Muafakat Belia Kedah, beliau mengumumkan peruntukan berjumlah RM100,000 untuk program pembangunan belia.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)**



## **Penduduk Diminta Berwaspada, Hujan Mungkin Sehingga Hujung November**

KUALA LUMPUR, 8 Nov (Bernama) -- Penduduk di negeri-negeri utara Semenanjung Malaysia perlu terus bersiap sedia menghadapi gelombang kedua banjir yang dijangka berlaku berikutan proses pertukaran monsun yang dialami kini.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata beliau menjangkakan proses pertukaran monsun akan selesai sepenuhnya akhir November ini.

"**Jabatan Meteorologi** telah meramalkan gelombang kedua akan berlaku sehingga tamat pertukaran monsun ini, iaitu dalam minggu pertama November.

"Tetapi melihat kepada keadaan, saya jangka sehingga hujung bulan ini ia baru akan selesai sepenuhnya kerana keadaan cuaca pun sangat tidak menentu sekarang," kata beliau kepada wartawan di sini hari ini.

Sabtu lepas, Pulau Pinang dilanda banjir luar biasa sehingga melumpuhkan sistem infrastruktur di negeri itu dan mengorbankan tujuh nyawa.

Mengenai dana yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak untuk projek mitigasi banjir di Pulau Pinang, Wan Junaidi berkata kementerian itu melalui Jabatan Pengaliran dan Saliran bersedia untuk melaksanakan kajian teknikal ke atas sistem dan infrastruktur sedia ada serta yang diperlukan.

Katanya antara aspek yang akan diberi perhatian ialah sistem perparitan dan saliran, kolam takungan dan penambakan pesisir pantai.

"Banjir luar biasa pada Sabtu lepas menunjukkan kemudahan mitigasi banjir sedia ada tidak mencukupi," katanya.

Najib dalam lawatannya ke Pulau Pinang pada Selasa telah mengumumkan bantuan RM1 bilion untuk melaksanakan 13 projek mitigasi banjir di negeri itu.

Dalam hal lain, Wan Junaidi berkata satu kolokium mitigasi banjir akan diadakan pada Januari depan untuk melihat model terbaik dan berkesan untuk membendung ancaman banjir di setiap negeri di Malaysia.

Terdahulu semasa melawat Sekolah Menengah Persendirian Chong Hwa di sini, Wan Junaidi berkata beliau sendiri akan menyediakan kertas cadangan untuk dikemukakan kepada Kabinet mengenai permohonan sekolah itu untuk melanjutkan sewaan sebidang tanah seluas 1.2 hektar yang dipunyai kerajaan Persekutuan untuk tujuan pembinaan sebuah kompleks sukan sekolah itu, daripada 30 tahun kepada 99 tahun.

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang juga Timbalan Presiden MCA Datuk Seri Dr Wee Ka Siong.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE

BERNAMA.COM

TARIKH: 9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)



## Ribut Petir, Hujan Di Pulau Pinang Dan Perak

KUALA LUMPUR, 8 Nov (Bernama) -- Ribut petir, hujan lebat berserta angin kencang di Pulau Pinang dan beberapa daerah di Perak dijangka berterusan sehingga awal petang ini.

Dalam satu kenyataan di sini hari ini, **Jabatan Meteorologi Malaysia** berkata daerah-daerah terbabit ialah Kerian, Larut, Matang dan Selama, Manjung, Perak Tengah, Bagan Datuk serta Hilir Perak.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BHARIAN.COM.MY  
TARIKH: 9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)**



MENTERI Komunikasi dan Multimedia Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak (dua, kanan) melancarkan buku 'New Media Political Engagement and Participation in Malaysia' di bangunan Parlimen hari ini. – Foto BERNAMA

## **Hebahan ramalan cuaca ditingkatkan**

KUALA LUMPUR: Hebahan maklumat ramalan cuaca yang berisiko menyebabkan banjir buruk ketika musim tengkujuh akan dipertingkatkan, kata Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak.

Beliau berkata, kekerapan hebahan itu bertujuan membolehkan rakyat mendapat maklumat lebih meluas dan lebih bersedia menghadapi bencana, termasuk banjir.

"Hebahan akan dibuat menggunakan platform kementerian, media arus perdana dan media sosial dengan kerjasama Jabatan Meteorologi Malaysia.

"Keadaan cuaca tidak seperti dulu, susah diramal. Kalau dulu, kita tahu bulan berapa akan berlaku banjir tetapi sekarang, tidak kisah, ia boleh berlaku pada bila-bila masa," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan buku 'New Media Political Engagement and Participation in Malaysia' di Parlimen, hari ini.


Mengenai banjir di utara Semenanjung, Salleh berkata pihaknya akan mengenal pasti dan melaksanakan tindakan segera kalau berlaku gangguan talian komunikasi di kawasan terjejas.

"Ketika ini, kita tidak menerima sebarang aduan berhubung gangguan talian telekomunikasi," katanya.

Mengulas buku hasil tulisan Dr Saraswathy Chinnasamy, Salleh menzahirkan rasa bangga kerana buku itu mendapat perhatian antarabangsa selepas dilancarkan di United Kingdom dan Amerika Syarikat, 6 Oktober lalu.

Sementara itu, Saraswathy yang juga Felo Institut Pengajian Kewartawan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media Universiti Teknologi Mara (UiTM), berkata buku terbitan penerbit berprestij dunia, Routledge Publisher, mengisahkan hala tuju media perdana dan media sosial di Malaysia.

**BERITA ONLINE  
BHARIAN.COM.MY**  
**TARIKH: 9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)**



IMEJ radar terkini. - Foto laman web JMM

## **Cuaca buruk di utara Semenanjung**

KUALA LUMPUR: **Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM)** mengeluarkan amaran cuaca buruk di utara tanah air membabitkan beberapa daerah di Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan utara Perak.

Amaran itu dikeluarkan kira-kira jam 7 malam tadi menjangkakan ribut petir, hujan lebat berserta angin kencang di Perlis; Kedah (Daerah Kubang Pasu, Padang Terap, Pokok Sena, Pendang, Sik dan Baling); Pulau Pinang dan Perak (Daerah Kerian, Larut, Matang dan Selama serta Hulu Perak) dijangka berterusan sehingga lewat malam ini.

Sementara itu, mengikut ramalan seminggu yang dikeluarkan jabatan itu, Perlis akan mengalami ribut petir pada sebelah petang sehingga Jumaat ini manakala hujan lebat pada pagi dan malam sehingga Selasa depan (14 November).

Di Kedah pula, hujan lebat dan ribut petir dijangkakan pada sebelah petang dan malam sehingga Selasa manakala di Perak ribut petir diramalkan di sebelah petang dalam tempoh seminggu ini.

Di Pulau Pinang diramalkan hujan pada sebelah petang sehingga Jumaat ini manakala ribut petir dijangka sehingga Selasa ini.

**BERITA ONLINE  
BHARIAN.COM.MY  
TARIKH: 9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)**



DR Noor Hisham berucap pada bengkel Keselamatan Penggunaan Radiasi di Hospital Kementerian Kesihatan dan Hospital Swasta dan penggunaan dos optimum dalam pengesanan dan rawatan pesakit bersempena Hari Radiologi peringkat antarabangsa yang disambut pada 8 November setiap tahun, di Institut Kanser Negara, di Putrajaya. - Foto Ahmad Irham Mohd Noor

## Persediaan hadapi kemungkinan gelombang kedua banjir

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan sudah membuat persediaan untuk menyalurkan bantuan perkhidmatan kesihatan sekiranya berlaku gelombang kedua banjir, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata kementerian mempunyai prosedur operasi standard untuk memberikan rawatan berterusan bagi memastikan penyakit berjangkit tidak berlaku dalam kalangan mangsa banjir.

"Banjir di Pulau Pinang adalah banjir jangka masa pendek. Apa yang penting, saya telah memberi arahan kepada semua pengarah kesihatan negeri supaya mengambil tindakan berjaga-jaga dan bersiap siaga memastikan perkhidmatan kesihatan sentiasa berterusan.

"Apa yang penting, kami akan terus melakukan aktiviti kawalan dan pencegahan penyakit berjangkit dan wabak di negeri-negeri terjejas banjir terutamanya di Pulau

Pinang," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas mengenai persiapan kementerian menghadapi kemungkinan gelombang kedua banjir.

Dr Noor Hisham ditemui selepas melancarkan dua bengkel Keselamatan Penggunaan Radiasi di Hospital Kementerian Kesihatan dan Hospital Swasta dan penggunaan dos optimum dalam pengesanan dan rawatan pesakit bersempena Hari Radiologi peringkat antarabangsa yang disambut pada 8 November setiap tahun, di Institut Kanser Negara, di sini, hari ini.

Isnin lalu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mengarahkan semua pihak bersedia sepenuhnya menghadapi kemungkinan gelombang kedua dan ketiga banjir berikutan perubahan cuaca pada bulan ini sehingga Februari depan.

**Jabatan Meteorologi Malaysia** meramalkan ribut petir, hujan lebat berserta angin kencang di Pulau Pinang dan beberapa daerah di Perak dijangka berterusan sehingga awal petang ini, yang membabitkan daerah-daerah Kerian, Larut, Matang dan Selama, Manjung, Perak Tengah, Bagan Datuk dan Hilir Perak.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham juga berkata tiada peningkatan kes secara mendadak dilaporkan di mana-mana hospital dan pusat kesihatan membabitkan penyakit disebabkan oleh banjir walaupun kemungkinan terdapat satu atau dua kes.

"Kami menasihatkan orang ramai jangan mandi air banjir kerana ia adalah air yang kotor dan terutamanya mereka yang mempunyai luka terbuka. Ia boleh menyebabkan mereka mendapat penyakit seperti cirit-birit atau psoriasis (penyakit kulit)," katanya.

Terdahulu, Dr Noor Hisham, dalam ucapan perasmianya berkata pihaknya sedang bekerjasama dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) dalam meningkatkan kesedaran berhubung keselamatan radiasi di fasiliti kesihatan yang perlu dijadikan budaya dalam kalangan anggota kesihatan.

"Keselamatan pesakit dan juga kakitangan kesihatan adalah sangat mustahak dan harus dijaga pada setiap masa. Kita perlu sentiasa fokus kepada penggunaan radiasi yang minimum dalam kecemasan dan hanya digunakan apabila diperlukan dalam rawatan pengesanan atau penyembuhan penyakit terutamanya kanser.

"Kita tidak menggunakan radiasi hanya kerana pesakit mempunyai insurans dan boleh bayar. Kita hanya perlu menggunakan radiasi kepada pesakit sekiranya perlu dan tidak semestinya pesakit perlu menjalani Pengimejan Resonans Magnetik (MRI) atau pengimbasan tomografi berkomputer (CT scan). Kita mahu minimumkan tahap penggunaan radiasi pada pesakit," katanya.

Oleh itu, katanya latihan disediakan WHO dan IAEA amat penting bagi anggota perubatan untuk meningkatkan kesedaran terhadap perlindungan radiasi yang memerlukan penggunaan optimum dan dos minimum bagi menjamin keselamatan pesakit tanpa menjaskan standard dan kualiti perubatan.

Pada bengkel yang dihadiri kira-kira 300 profesional perubatan dari dalam dan luar negara itu, Dr Noor Hisham turut melancarkan Garis Panduan Pengimejan Klinikal Dalam Radiologi. - BERNAMA



## Monsun Timur Laut bermula minggu depan



KUALA LUMPUR - Monsun Timur Laut dijangka berlaku mulai minggu depan sehingga Mac 2018 yang mengakibatkan empat hingga lima episod hujan di Kelantan, Terengganu, Pahang, timur Johor dan di barat Sarawak.

**Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MET) Alui Bahari** berkata keadaan ini boleh menyebabkan banjir di kawasan yang cenderung banjir dan kawasan rendah.

"Amaran awal bagi episod hujan lebat semasa Monsun Timur Laut akan dikeluarkan seawal satu hingga tiga hari manakala amaran ribut petir akan dikeluarkan sekiranya terdapat tanda-tanda intensiti ribut petir semakin meningkat," katanya kepada Bernama.

Pada masa ini, katanya, negara sedang mengalami peralihan monsun dan dijangka berlaku sehingga pertengahan November.

"Semasa fasa ini, kejadian hujan lebat dan ribut petir setempat dalam jangka masa singkat serta angin kencang lebih kerap berlaku pada waktu petang dan awal malam di kebanyakan kawasan di negeri-negeri Pantai Barat, Utara, pedalaman Semenanjung, Pantai barat Sabah serta kawasan Barat dan bahagian tengah Sarawak," katanya.

Beliau menasihati orang ramai agar peka dengan amaran cuaca buruk yang dikeluarkan jabatan itu dan mematuhi garis panduan keselamatan.

Orang ramai diminta merujuk laman web jabatan itu atau aplikasi telefon pintar myCuaca bagi mendapatkan maklumat terbaru yang dikemaskini setiap hari.

Beliau juga meminta orang ramai supaya tidak menularkan mesej yang belum disahkan berhubung keadaan cuaca. - Bernama



## Kedah siap sedia hadapi gelombang kedua banjir



Ahmad Bashah Md Hanipah

ALOR SETAR - Kerajaan Kedah bersiap sedia menghadapi kemungkinan berlaku banjir gelombang kedua, kata Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah.

Beliau berkata semua jabatan dan agensi termasuk Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah diarah untuk sentiasa bersiap sedia.

"Kita telah ambil maklum dan semua persiapan telah dibuat di peringkat daerah masing-masing sebagai persediaan sekiranya berlaku banjir gelombang kedua.

"**Jabatan Meteorologi (MET) Malaysia** juga diharapkan dapat menyebarkan maklumat secara menyeluruh berkaitan perubahan cuaca dan memaklumkan lebih awal supaya persediaan pemindahan segera boleh dilakukan," katanya kepada pemberita di Wisma Darul Aman, di sini hari ini.

Terdapat laporan mengenai negeri-negeri di utara Semenanjung dijangka menghadapi banjir gelombang kedua.

Sementara itu, Ahmad Bashah berkata, beliau telah meminta setiap majlis perbandaran daerah untuk memantau dan melihat sistem perparitan yang sempurna di kawasan masing-masing bagi memastikan aliran air yang lancar memandangkan hujan yang turun luar biasa kini.

Terdahulu, pada Majlis Perjumpaan Muafakat Belia Kedah, beliau mengumumkan peruntukan berjumlah RM100,000 untuk program pembangunan belia. – Bernama



## Penduduk diminta berwaspada, hujan mungkin sehingga hujung November



Wan Junaidi mahu penduduk di negeri-negeri utara Semenanjung perlu terus bersiap sedia menghadapi gelombang kedua banjir yang dijangka berlaku berikutan proses pertukaran monsun yang dialami kini.

**KUALA LUMPUR:** Penduduk di negeri-negeri utara Semenanjung perlu terus bersiap sedia menghadapi gelombang kedua banjir yang dijangka berlaku berikutan proses pertukaran monsun yang dialami kini.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata beliau menjangkakan proses pertukaran monsun akan selesai sepenuhnya akhir November ini.

"Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) telah meramalkan gelombang kedua akan berlaku sehingga tamat pertukaran monsun ini, iaitu dalam minggu pertama November.

"Tetapi melihat kepada keadaan, saya jangka sehingga hujung bulan ini ia baru akan selesai sepenuhnya kerana keadaan cuaca pun sangat tidak menentu sekarang," kata beliau kepada wartawan di sini hari ini.

Sabtu lepas, Pulau Pinang dilanda banjir luar biasa sehingga melumpuhkan sistem infrastruktur di negeri itu dan mengorbankan tujuh nyawa.

Mengenai dana yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak untuk projek mitigasi banjir di Pulau Pinang, Wan Junaidi berkata kementerian itu melalui Jabatan Pengaliran dan Saliran bersedia untuk melaksanakan kajian teknikal ke atas sistem dan infrastruktur sedia ada serta yang diperlukan.

Katanya antara aspek yang akan diberi perhatian ialah sistem perparitan dan saliran, kolam takungan dan penambakan pesisir pantai.

"Banjir luar biasa pada Sabtu lepas menunjukkan kemudahan mitigasi banjir sedia ada tidak mencukupi," katanya.

Najib dalam lawatannya ke Pulau Pinang pada Selasa telah mengumumkan bantuan RM1 bilion untuk melaksanakan 13 projek mitigasi banjir di negeri itu.

Dalam hal lain, Wan Junaidi berkata satu kolokium mitigasi banjir akan diadakan pada Januari depan untuk melihat model terbaik dan berkesan untuk membendung ancaman banjir di setiap negeri di Malaysia.

Terdahulu semasa melawat Sekolah Menengah Persendirian Chong Hwa di sini, Wan Junaidi berkata beliau sendiri akan menyediakan kertas cadangan untuk dikemukakan kepada Kabinet mengenai permohonan sekolah itu untuk melanjutkan sewaan sebidang tanah seluas 1.2 hektar yang dipunyai kerajaan Persekutuan untuk tujuan pembinaan sebuah kompleks sukan sekolah itu, daripada 30 tahun kepada 99 tahun.

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang juga Timbalan Presiden MCA Datuk Seri Dr Wee Ka Siong.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**  
**SINAR HARIAN (MUSIBAH NOVEMBER) : MUKA SURAT 2**  
**TARIKH : 9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)**

## **Kedah siap siaga jika banjir lagi**

**ALOR SETAR** - Kerajaan Negeri Kedah bersiap sedia menghadapi kemungkinan berlaku banjir gelombang kedua.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah berkata, semua jabatan dan agensi termasuk Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Sukarelawan Malaysia(Rela), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah diarah untuk sentiasa bersiap sedia.

"Kita telah ambil maklum dan semua persiapan telah dibuat di peringkat daerah masing-masing sebagai persediaan sekiranya berlaku

banjir gelombang kedua.

"Jabatan Meteorologi (MET) Malaysia juga diharap dapat menyebarkan maklumat secara menyeluruh berkaitan perubahan cuaca dan memaklumkan lebih awal supaya persediaan pemindahan segera boleh dilakukan," katanya di Wisma Darul Aman di sini, semalam.

Sementara itu, Ahmad Bashah berkata, beliau telah meminta setiap majlis perbandaran daerah untuk memantau dan melihat sistem perparitan yang sempurna di kawasan masing-masing bagi memastikan aliran air lancar.

- Bernama

**KERATAN AKHBAR**  
**SINAR HARIAN (MUSIBAH NOVEMBER) : MUKA SURAT 2**  
**TARIKH : 9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)**

# Gelombang kedua

Penduduk di utara semenanjung perlu siap sedia hadapi kemungkinan

**KUALA LUMPUR** - Penduduk di negeri utara Semenanjung Malaysia perlu terus bersiap-sedia menghadapi gelombang kedua banjir, yang dijangka berlaku berikutan proses pertukaran monsun dialami kini.

Menyertai sidang media di Putrajaya semalam, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, beliau menangkakkan proses pertukaran monsun akan selesai sepenuhnya akhir November ini.

"Jabatan Meteorologi meramalkan gelombang kedua berlaku sehingga tamat pertukaran monsun ini iaitu dalam minggu pertama November."

"Tetapi melihat kepada keadaan, saya jangka sehingga hujung bulan ini, baru selesai sepenuhnya kerana keadaan cuaca pun tidak mnenentu sekarang," katanya, semalam.

Mengenai dana diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk projek mitigasi banjir di Pulau Pinang, beliau



Keadaan bencana banjir dari udara di sekitar Kampung Sungai Dua, Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Sabtu lalu.

berkata, kementerian itu melalui Jabatan Pengaliaran dan Saliran bersedia melaksanakan kajian teknikal ke atas sistem dan infrastruktur sedia ada, serta yang diperlukan.

"Antara aspek akan diberi perhatian ialah sistem perparitan dan saliran, kolam takungan serta pe-

nambakan pesisir pantai," katanya.

Dalam perkembangan berlainan, Wan Junaidi berkata, satu kolokium mitigasi banjir akan diadakan pada Januari depan untuk melihat model terbaik dan berkesan bagi membendung ancaman banjir di setiap negeri di Malaysia.

KERATAN AKHBAR  
THE SUN (NEW WITHOUT BORDERS) : MUKA SURAT 2  
TARIKH : 9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

# Engineers patching things up

> DID working non-stop to reinforce Sungai Muda embankment to prevent another breach

**GEORGE TOWN:** Engineers from the Department of Irrigation and Drainage (DID) are working round the clock to strengthen the embankment of Sungai Muda.

The overflowing of the river was cited as one of the main reasons for the worst floods to hit the region, especially on Saturday when a 12-hour downpour triggered a deluge

into low lying areas in Penang.

By 3am on Sunday, the floodwaters had reached Bukit Mertajam, Kepala Batas and Tasek Gelugor, with some of the areas still flooded as of 7pm yesterday.

DID also suffered a setback when a pumphouse near Sungai Muda between the border of Kedah and Penang was swept away on Sunday.

Chief Minister Lim Guan Eng said the river's breach of its banks was the main cause for the Bukit Mertajam, Tasek Gelugor and Kepala Batas areas to remain waterlogged, adding that there is a need to address the issue of rivers easily bursting its banks.

According to the DID website, most of the river levels in Penang are back to normal.

However, the Meteorological Department has warned of another wave of rainstorms, with most parts of Penang and southern Kedah and northern Perak experiencing grey skies and occasional rain since 3pm yesterday.

Natural Resources and Environment Minister Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar earlier yesterday said that floods may come back as the monsoon season was not over yet on the west coast.

"The monsoon will only be completed at the end of November," he said, adding that

the pattern may shift towards the east coast later. According to the National Disaster Management Agency website, 3,945 people remained in five flood relief centres in Penang and Kedah as of 6pm yesterday.

Penang police deputy chief Datuk Roslee Chik also revealed that 60 personnel had continued with their duties on Sunday despite their quarters in Air Itam being inundated.

The same situation was experienced by 600 firefighters, who stayed on the job even when their stations and homes were flooded, said state Fire and Rescue Department director Saadon Mokhtar.

**KERATAN AKHBAR  
MALAY MAIL (TOP NEWS) : MUKA SURAT 4  
TARIKH : 9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)**



The floods at Kampung Kebun Baru Sungai Durian in Kukup, Pontian. — Picture by Roslan Khamis

## Two Johor villages hit by flash floods

**By Ben Tan**  
*ben@mmaiil.com.my*

**PONTIAN** — Several coastal areas of Kukup and Tanjung Piai, located on the coastal south-west of Johor near here were inundated by a seasonal big tide phenomenon and rain water.

The villages of Kampung Sungai Buntu and Kampung Kebun Baru Sungai Durian were the worst hit with up to 3.4m of water at midday.

It was learnt the situation faced by the two villages was also because of flash flooding due to heavy rains a day before.

Johor Health, Environment, Education and Information executive committee chairman Datuk Ayub Rahmat said a task force consisting of the Kukup assemblyman's office, Pontian district police, civil defence, village heads were deployed to the two

villages after flash flooding were reported at 1pm through the Pontian district disaster management committee.

"The team immediately monitored the situation where water levels were said to rise to as much as 3.4m in some areas," he said yesterday.

Ayub said checks showed a total of six houses from Kampung Kebun Baru Sungai Durian and one house in Kampung Sungai Buntu consisting of eight families and 35 people were affected by the flash flooding due to being located in the low lying areas.

"However, the situation was not critical with no order for evacuation and by 5pm the water levels subsided," he said, adding the flash flooding was also caused by the drainage system that could not support the large volume of rain water, coupled with the large tide phenomenon.

On Tuesday afternoon, parts of Kukup town, located on the coastal south-west

part of Johor, was partly affected by high seawater level due to the large tide phenomenon.

The Pontian district disaster management committee secretariat said the overflow of seawater from the Kukup jetty was due to large tides believed to occur almost every year and does not pose a risk.

The incident did not involve any evacuation or closure of businesses in the town.

Checks also found the drainage system in Kukup also could not accommodate the higher than usual tides causing the overflow of seawater to the roads.

As of yesterday, Ayub said the state government has not received any other reports of flash floods or evacuation in Johor other than the two areas in Kukup, Pontian.

"All districts in Johor are prepared to face all types of disaster all-year-round,

especially floods, through their respective district disaster management committee secretariats.

"But for floods, the secretariat which is led by the state Civil Defence as the main agency, have recently prepared necessary foodstuff and amenities in preparation as the items will be the first priority in any flood prone area," he said.

The weather forecast by the Meteorological Department for Johor and several neighbouring states showed thunderstorms, heavy rains and strong winds were expected to continue today.

The affected states are Negeri Sembilan, Johor and Pahang. The areas which should brace for inclement weather are Jelebu, Jempol and Tampin in Negeri Sembilan; Segamat, Kluang, Mersing, Kota Tinggi, Johor Baru, Kulai and Pontian in Johor; and Bentong, Bera, Rompin and Pekan in Pahang.

**KERATAN AKHBAR  
MALAY MAIL (TOP NEWS) : MUKA SURAT 4  
TARIKH : 9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)**

## Fewer victims at relief centres in Penang, Kedah

**KUALA LUMPUR** — Conditions are improving in flood-ravaged Penang as well as Kedah with evacuees already returning home.

As of yesterday afternoon, 821 families with 3,381 people were still sheltering at the Seberang Perai Utara district, and 463 families with 1,721 people at Seberang Perai Tengah district, areas close to the Kedah border.

The number of evacuees caused by flood waters gushing in from Kedah was far bigger than those hit by the downpour over the weekend with 1,284 families and 5,102 people still seeking cover at flood relief centres.

Penang Chief Minister Lim Guan Eng

said yesterday the state government had instructed the Department of Water and Irrigation, Penang Water Corporation and other agencies to try pump out the water back into the river when the river's water level had receded, to try to speed up the reduction of flood waters.

"We hope this will allow residents to go back earlier, and the Penang state government can only urge patience and understanding in this very trying times," he said in a statement.

Lim said the heavy rains and floods in Kedah caused record volume of water to gush down Penang rivers, overflowing their banks in the state on the way to the sea.

"This has the unfortunate effect of flooding parts of Seberang Perai Utara and Seberang Perai Tengah districts near the river banks up to three feet, even though there is not a single drop of rain," he said.

Lim said Penang was unfortunate to have been hit by "a triple whammy" — experiencing the spillover effects from not just the Damrey Typhoon that hit Vietnam on Nov 4, but also the unprecedented rain winds as strong as 64km per hour.

The Penang island and Seberang Prai deal with flash floods regularly but the rain and floods that hit the state on Nov 4-5 was the state's worse in decades.

Bernama reports only one flood relief centre with 213 evacuees remained active

in Kedah as of 4pm yesterday, the others having been closed as more evacuees returned home.

The centre was the Rakan Sukan hall in Mukim Ayer Puteh, Pendang.

Two relief centres, the Taman Setia Budi hall in Kuala Muda and the Kampung Baru Jemerli surau in Kulim, were closed by 4 pm.

However, the Meteorological Department warned of thunderstorms, heavy rain and strong winds over Perlis, Kedah, Penang in a weather update at 3pm yesterday.

It also warned of bad weather in parts of Perak, namely the Kerian, Larut, Larut Matang, Selama and Hulu Perak districts.

**KERATAN AKHBAR  
MALAY MAIL (TOP NEWS) : MUKA SURAT 3  
TARIKH : 9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)**

# States warned of possible fresh storms

**PETALING JAYA** — A second wave of storms and flooding may hit the already battered northwestern states of the country, according to Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

The natural resources and environment minister advised the states to remain on guard as there was a risk of weather changes due to the ongoing monsoon transition period.

Responding to a notice by **the**

**Meteorological Department's** prediction on a continuation of the current bad weather, he described the weather patterns as "unpredictable".

"The **Meteorological Department** said that the monsoon transition period will continue until early this month but today is already the eighth," he said.

"I believe the monsoon transition period will continue until the end of this month because it's hard to predict our current

weather conditions."

However, Wan Junaidi cautioned that the new wave of weather changes was only a "possibility" at this point.

"But states such as Perlis, Kedah and Penang must continue to be vigilant," he said.

Asked whether the second wave would be worse than the first, Wan Junaidi pointed out that the Meteorological Department had already issued a warning

about the second wave.

"As has been mentioned by the deputy prime minister, there is a possibility that the second wave might not occur," he said.

The northwestern states, particularly Penang, suffered heavy rainfall on Saturday and Sunday, triggering massive floods.

Penang, which saw its heaviest rainfall in history, was the worst hit with thousands evacuated to shelters and flood relief centres.

**BERITA ONLINE  
ASTROAWANI.COM  
TARIKH: 9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)**



## **36 cases prosecuted under Sexual Offences Against Children Act since July**



There have been 36 cases of offenders charged under the Sexual Offences Against Children Act 2017 since it was gazetted on July 10.

— Reuters pic

KUALA LUMPUR, Nov 8 — There have been 36 cases of offenders charged under the Sexual Offences Against Children Act 2017 since it was gazetted on July 10.

Women, Family and Community Development Deputy Minister, Datuk Azizah Mohd Dun said the ministry had been collaborating with several other agencies to implement various programmes and initiatives towards curbing sexual offences against children including incest.

“These efforts include the Children’s Safety at School campaign, namely the Sahabat BIJAK carried out with a number of government agencies like the Education Ministry, Health Department and Royal Malaysian Police in spreading information on child safety from any sexual threats, including from their own family members.

“The National Reproductive Health and Social Education Action Plan (Pekerti) 2009 was also introduced to produce knowledgeable individuals with a positive attitude towards reproductive health and social issues.”

She said this in reply to a question from Alice Lau Kiong Yieng (DAP-Lanang) on the number of cases brought to court since the Sexual Offences Against Children Act was gazetted on July 10 and on the ministry’s plans to reduce cases of incest.

Azizah said through Talian Kasih 15999 and Childline, for instance, members of the public could report on any social ills including incest.

She said these phone lines were provided to ensure that any such cases could be referred to the relevant agencies like the police and Social Welfare Department for action.

According to her, the ministry also provided support services like counselling to the victims and family members affected by the offence of incest.

Azizah said to increase public awareness of sexual crimes including incest, her ministry had also been collaborating with a number of agencies including Permata, Malaysian Communications and Multimedia Commission and **CyberSecurity Malaysia** in holding seminars on the topic.

Such seminars were the ‘Sexual Offences Against Children: Stop It’ and ‘Keep our Women and Children #CyberSafe’ held this year. — Bernama



## **Awas sabun tiruan guna jenama popular**



PENGUATKUASA KPDKN Selangor merampas 381 botol sabun yang menggunakan sabun tiruan dekat sebuah kedai pembekal sabun di Shah Alam, Selangor. - UTUSAN ONLINE

**SHAH ALAM** 8 Nov. - Orang ramai dinasihatkan berhati-hati ketika memilih sabun pencuci pakaian supaya tidak terperdaya dengan sabun yang menggunakan logo tiruan.

Lambakan sabun pencuci pakaian akhir-akhir ini dijual pada harga yang murah dipercayai menggunakan taktik meletak logo jenama sabun popular untuk menarik perhatian pembeli.

Bahagian Penguatuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKN) Selangor merampas 381 botol dua liter sabun pencuci tiruan bernilai RM5,334 yang menggunakan logo jenama sabun popular.

Ketua Seksyen Penguatuasaan KPDKN Selangor, Basaruddin Mohiyuddin memberitahu, maklumat tentang penjualan sabun itu diperoleh menerusi aduan pengeluar sebenar sabun berkenaan serta risikan yang dilakukan oleh pihaknya.

"Berdasarkan aduan pihak pengeluar asal, terdapat penggunaan logo tiruan diletakkan pada label yang ditampal pada botol bertujuan untuk mengelirukan pengguna."

"Walau bagaimanapun kami belum mengenalpasti kandungan yang digunakan untuk menghasilkan bahan pencuci itu, namun contoh sabun akan hantar ke Jabatan Kimia untuk pengesahan.

"Orang ramai dinasihatkan berhati-hati ketika memilih untuk membeli sabun pencuci pakaian supaya tidak terkeliru dengan produk tiruan," katanya kepada Utusan Online selepas operasi serbuan dekat sebuah kedai di Shah Alam, Selangor.

Tambah beliau, barang yang dirampas akan dibawa ke stor KPDNKK Selangor sementara kes berkenaan akan disiasat mengikut di bawah Seksyen 8 Akta Perihal Dagangan 2011.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dikenakan denda sehingga RM10,000 bagi setiap unit atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya sekali. - UTUSAN ONLINE